

**KONSEP *ESTETIKA BERSEPADU*:TERAPAN
DAN ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA
PUI SI AHMAD KAMAL ABDULLAH**

ABDUL HALIM BIN ALI

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

**KONSEP *ESTETIKA BERSEPADU*: TERAPAN
DAN ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA
PUISI AHMAD KAMAL ABDULLAH**


ABDUL HALIM BIN ALI

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH KEDOKTORAN KESUSASTERAAN MELAYU**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



Tanda tangan

ABDUL HALIM BIN ALI
P20052000026

PENGHARGAAN

Bismil'lahirah'manirohim.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke Hadrat Allah S.W.T. kerana dengan Limpah Kurnia dan Izin-Nya jualah, maka tesis kedoktoran ini dapat saya sempurnakan penulisannya. Salawat dan Salam buat Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. yang menjadi sandaran inspirasi menyusun atur limpahan ilham dan mencerna buah fikir agar sentiasa berada atas landasan yang benar sepanjang kerja penulisan tesis ini dikerjakan. Salawat dan salam buat ahli keluarga Baginda serta para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang ikhlas dalam perjuangan sepanjang zaman. Semesra kasih yang tidak pernah padam buat ibu tercinta Hajah Lijah binti Abdullah yang tidak surut mendoakan untuk kesejahteraan dan kejayaan anaknya ini. Moga Allah S.W.T. membalas segala kemurahan dan kemurniaan budimu dengan Syurga. Penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dato' Paduka Dr Mohd Rosli Saludin, Penyelia tesis ini yang telah memberikan buah fikir yang amat berguna dalam usaha saya ini. Sikap keterbukaan dan demokratik dalam dunia akademik seperti yang ditunjukkan amat saya hargai. Terakam bersama kasih buat isteri tersayang, Khatini Osman yang tidak pernah jemu memberi dorongan, menerima dengan sabar segala kesusahan yang ditempuhi bersama dalam waktu kerja-kerja menyudahkan tesis ini. Juga buat anak-anak yang dikasihi Abdul Muiz, Abdul Mujib, Abdul Munir, Abdul Muhaimin, Khairunnisa' dan Khairunnajihah yang turut mewarnai masam manis pengalaman. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat kaum keluarga, jiran tetangga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan semangat serta dorongan yang saya kira menjadikan saya sentiasa gigih dan bersemangat. Kepada Allah S.W.T jualah saya pohonkan Limpah Kurnia dan Rahmat moga diganjarinya mereka yang tersebut ini dengan pahala yang mencukupi dan kebaikan yang tidak putus-putus. Amin.

ABDUL HALIM ALI

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

ABSTRAK

Konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu sering ditanggapi berasaskan kerangka pemikiran estetik Barat. Terdapat juga kerangka teori estetik Melayu seperti *Puitika Sastera Melayu* oleh Muhammad Haji Salleh dan *Rasa-Fenomenologi* oleh Sohaimi Abdul Aziz yang boleh digunakan untuk memahami konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu, namun, kedua-dua kerangka teori ini tidak mengambil Islam sebagai asas yang mendasari keindahan, sedangkan kajian terdahulu menunjukkan, bahawa teras utama kesusasteraan Melayu ialah Islam dan jati diri bangsa Melayu itu sendiri. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengaplikasikan pendekatan *Estetika Bersepadu* dalam analisis puisi Ahmad Kamal Abdullah bagi memahami konsep keindahan bermakna dalam puisi Melayu moden. Untuk mencapai tujuan ini, dua objektif ditetapkan iaitu (1) membuktikan kesepaduan aspek *stail* (gaya bahasa kiasan dan pemikiran) dengan perutusan agama dan (2) mengenalpasti aspek-aspek kontekstual yang berkaitan secara langsung dengan *stail* (gaya bahasa kiasan dan pemikiran) dan perutusan agama. Kerangka *Estetika Bersepadu* mengabungkan *stail* (idea estetik bahasa kiasan dan pemikiran) dengan keindahan dalam perutusan agama dijadikan asas untuk menganalisis teks. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap empat buah kumpulan puisi Ahmad Kamal Abdullah iaitu, *'Ayn* (1987), *Pelabuhan Putih* (1995), *Titir Zikir* (1995) dan *MIM* (2002). Data dianalisis secara deskriptif berlandaskan dua prinsip *Estetika Bersepadu* iaitu (1) kesepaduan *stail* dengan perutusan agama dan (2) perkaitan *stail* dan perutusan agama dengan aspek kontekstual. Hasil analisis membuktikan wujudnya kesepaduan yang signifikan aspek *stail* dengan perutusan agama (yang meliputi aspek akidah, syariat dan akhlak). Terdapat empat jenis gaya bahasa kiasan iaitu gaya bahasa metafora, alusi, simili dan personifikasi yang paling dominan digunakan oleh penyair yang menunjukkan kondisi bersepadu dengan perutusan agama itu. Hasil kajian juga membuktikan, perkaitan erat aspek *stail* dengan aspek kontekstual seperti sejarah Rasulullah S.A.W., sejarah Rasul-Rasul utusan Allah, tokoh-tokoh kepimpinan Islam; Khalifah ar-Rasyidin, tokoh-tokoh penting wanita dalam Islam, tokoh-tokoh penting penyair Muslim; Rumi, Iqbal, Hafiz dan Amir Hamzah, dan pengalaman peribadi penyair. Kesepaduan *stail* dengan perutusan agama dan perkaitan *stail* dan perutusan agama dengan aspek kontekstual dapat menjustifikasikan konsep keindahan bermakna dalam karya puisi yang dikaji. Analisis ini menunjukkan bahawa Islam adalah unsur penting yang menjadi teras keindahan dalam karya puisi Melayu. Kesepaduan dan perkaitan elemen estetik *stail*, perutusan agama dan aspek kontekstual telah dapat menjelaskan konsep keindahan bermakna dalam kesusasteraan Melayu.

ABSTRACT

The concept of beauty in Malay literature is perceived as western aesthetic thinking framework based. There are also Malay aesthetic theory such as *Puitika Sastera Melayu* by Muhammad Haji Salleh and *Rasa-Fenomenologi* by Sohaimi Abdul Aziz which can be used to understand the concept of beauty in Malay literature, nevertheless, both the theoretical framework does not take Islam as the basis of beauty while earlier studies showed that the basis of Malay literature is Islam and the legitimate Malay race. This study is undertaken to apply *Integrated Aesthetic* (Estetika Bersepadu) approach in analyzing Ahmad Kamal Abdullah's poetry to understand the concept of beauty in modern Malay poetry. To achieve this aim, two objectives are chosen; (1) to prove the integration of *stail* (figurative language aspects and poet's thinking) with religious message and (2) to identify contextual aspect which is directly related with *stail* (analogy and thinking) and religious message integrated aesthetic framework unite *stail* (idea of analogy and thinking) with beauty in religious message which the basis for analyzing texts. This study employs content analysis method on the anthologies of Ahmad Kamal Abdullah's poetry; *Ayn* (1987), *Pelabuhan Putih* (1995), *Titir Zikir* (1995) and *MIM* (2001). The data is analyzed by descriptive based on two *Integrated Aesthetic* (Estetika Bersepadu) principles (1) the intergration of *stail* with religious message and (2) the relationship of *stail* and religious message with context. The result of the analysis proved and significant existence of integration of *stail* with religious message (with include belief, Islamic law and moral). There are four types of analogy; metaphor, personification, allusion and simile which are very dominant used by poets that shows integration of condition with religious message. The result of the study also proved, close relationship of *stail* with contextual aspect such as the history of Prophet Muhammad, the history of God's messenger, Caliph ar-Rasyidin, important women in Islam, important Muslim poets such as Rumi, Iqbal, Hafiz and Amir Hamzah; and personal experience of poet. The integration of *stail* with religious message and the relationship of *stail* and religious with contextual aspect can be justified with the beauty connotation in the poetry studied. This analysis showed that Islam is an important element which is the basis of beauty in modern poetry. Integration and the relationship of aesthetic *stail*, religious message and contextual aspect had succeeded in exploring beauty connotation in Malay literature.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB SATU: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	11
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Soalan Kajian	23
1.5 Kepentingan Kajian	23
1.6 Batasan Kajian	24
1.7 Definisi Konsep dan Istilah	26
1.7.1 Estetik	27
1.7.2 Keindahan	31
1.7.2.1 Konsep Keindahan dan Kaitannya dengan Islam	36
1.7.3 <i>Stail</i>	39
1.7.4 Gaya dan Gaya Bahasa	40
1.7.5 Bersepadu	43
1.7.6 Perutusan	43

BAB DUA : SOROTAN LITERATUR 45

2.1	Pengenalan	45
2.2	Kajian Berkaitan Estetika	46
	2.2.1 Kajian di Barat	48
	2.2.2 Kajian di Malaysia	62
2.3	Kajian Lalu Tentang Karya Puisi Kemala	84
2.4	Kesimpulan	86

BAB TIGA : METODOLOGI 88

3.1	Pengenalan	88
3.2	Kaedah, Pendekatan dan reka bentuk Kajian	88
3.3	Pengumpulan Data dan Analisis Data	91
3.4	Sampel Kajian	91
3.5	Kerangka Konseptual <i>Estetika Bersepadu</i>	92
	3.5.1 Kelemahan Kaedah Kritik Estetik Terdahulu	92
	3.5.2 Matlamat Kesusasteraan	97
	3.5.3 Asas Teoretikal dalam Pembinaan Konseptual	99
	3.5.3.1 Rumus Gaya Bahasa <i>Stilistik</i>	100
	3.5.3.2 Idea Perkaitan daripada Teori <i>Takmilah</i>	120
	3.5.3.3 Asas Poko Ajaran Islam	123
	3.5.3.3.1 Akidah	127
	3.5.3.3.2 Syariat	131
	3.5.3.3.3 Akhlak	135
	3.5.4 Prinsip-Prinsip Estetika Bersepadu	146
	3.5.4.1 Kesepaduan <i>Stail</i> dengan Perutusan Agama	147
	3.5.4.2 Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan Agama dengan Aspek Kontekstual	150
3.6	Perkaitan Peranan Penyair dan Matlamat Berkarya dengan Islam	152
3.7	Asas Pengkaedahan Bersepadu dan Perkaitan	156
	3.7.1 Proses Penyepaduan unsur Rohani dan Jasmani dalam Penciptaan Nabi Adam a.s.	157
	3.7.2 Penyepaduan Ilmu, Kemahiran dan nilai Dalam KBSM	159
	3.7.3 Penyepaduan dalam Pembinaan Teori Pemikiran	160
3.8	<i>Estetika Bersepadu</i> Sebagai Landas Kritik Keindahan	163
3.9	Kesimpulan	169

BAB EMPAT : KEPERIBADIAN ESTETIK KEMALA 171

4.1	Pengenalan	171
4.2	Latar Keluarga	174
4.3	Pengalaman Pengkaryaan dan Kecenderungan Estetik	179
4.4	Pernyataan Estetik dan Pengiktirafan	184
4.5	Keperibadian Estetik Kemala	194
4.6	Kesimpulan	201

BAB LIMA : KESEPADUAN GAYA METAFORA DAN PERSONIFIKASI DAN PEMIKIRAN (STAIL) DENGAN PERUTUSAN AGAMA 203

5.1	Pengenalan	203
5.2	Matlamat Keindahan Bermakna dalam Kesusasteraan	204
5.3	Penyepaduan <i>Stail</i> dengan Perutusan Agama	205
5.3.1	Penyepaduan unsur gaya metafora dan pemikiran dengan perutusan agama	212
5.3.1.1	Penyepaduan unsur metafora dengan perutusan muhasabah diri	213
5.3.1.2	Penyepaduan unsur metafora dengan perutusan tentang pendidikan Islam pada peringkat awal-kanak-kanak	222
5.3.1.3	Kesepaduan unsur gaya metafora dengan perutusan agama tentang makna kehidupan	225
5.3.1.4	Penyepaduan unsur metafora dengan perutusan tentang kerinduan tentang kerinduan/kecintaan kepada Tuhan	241
5.3.1.5	Penyepaduan unsur metafora dan pemikiran dengan perutusan agama tentang intelektual	248
5.3.1.6	Kesepaduan unsur metafora dan pemikiran dengan perutusan tentang tanggungjawab menegakkan Syiar Islam	252
5.3.1.7	Penyepaduan Unsur Metafora dengan Perutusan menghargai Keindahan Alam	257
5.3.1.8	Penyepaduan unsur metafora dan Pemikiran dengan perutusan tentang Kebesaran Allah S.W.T.	259
5.3.1.9	Penyepaduan Unsur Metafora dan Pemikiran dengan perutusan tentang Perjuangan Islamiah	266
5.3.1.10	Penyepaduan Unsur Metafora dan Pemikiran dengan perutusan tentang Kasih Sayang	272
5.3.1.11	Penyepaduan unsur Metafora dan Pemikiran dengan perutusan Agama Tentang Budi pekerti/Akhlak Baik	275

5.3.1.12	Penyepaduan Unsur Metafora dan Pemikiran dengan perutusan tentang Kemusnahan dan Keciciran Bangsa	283
5.3.2	Penyepaduan Unsur Personifikasi dengan Perutusan Agama	288
5.3.2.1	Penyepaduan unsur personifikasi dan Pemikiran dengan Perutusan agama tentang Kebijakanaksanaan	297
5.3.2.2	Perkaitan Unsur Personifikasi dengan Perutusan Tentang Kepentingan Sejarah	300
5.3.2.3	Kesepaduan dan Perkaitan Unsur Personifikasi dengan perutusan agama tentang Kesucian Hati	306
5.4	Kesimpulan	310
BAB ENAM : KESEPADUAN GAYA ALUSI DAN SIMILI PEMIKIRAN (STAIL) DENGAN PERUTUSAN AGAMA		311
6.1	Pengenalan	311
6.2	Gaya Alusi	311
6.3	Penyepaduan Unsur Gaya Alusi dan Pemikiran dengan Perutusan Agama	313
6.3.1	Tokoh Alusi Nabi Muhammad S.A.W.dengan perutusan Akhlak	314
6.3.2	Penyepaduan Unsur Alusi Nabi Adam a.s. dan Hawa dengan Perutusan Akhlak	322
6.3.3	Tokoh Nabi Musa a.s. dengan PerutusanTentang Kecintaan Kepada Tuhan	325
6.3.4	Tokoh-Tokoh Kulafa ar-Rasyidin dengan Perutusan Agama	328
6.3.5	Tokoh Penyair di luar Nusantara: Rumi dan Hafiz dengan Perutusan Agama	337
6.3.6	Tokoh-tokoh Wanita Islam dengan Perutusan Agama	341
6.4	Penyepaduan unsur simili dan pemikiran dengan Perutusan Agama	353
6.4.1	Kesepaduan gaya simili dan Pemikiran dengan perutusan tentang Kebesaran Allah SWT	356
6.4.2	Kesepaduan gaya Simili dan Pemikiran dengan perutusan Agama tentang Kerinduan kepada Tuhan	361
6.4.3	Kesepaduan gaya Simili dan Pemikiran dengan Perutusan tentang Kesantunan	369
6.4.4	Kesepaduan Gaya Simili dan Pemikiran tentang amanah dengan perutusan agama	376
6.5	Kesimpulan	381

BAB TUJUH : PERKAITAN *STAIL* DAN PERUTUSAN AGAMA DENGAN ASPEK KONTEKSTUAL **382**

7.1	Pengenalan	382
7.2	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan Agama dengan Aspek Kontekstual	382
7.2.1	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan dengan Keterangan al-Quran dan al-Hadis	383
7.2.2	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan dengan Sejarah Para Rasul dan Nabi	389
	7.2.2.1 Sejarah Nabi Adam a.s.	389
	7.2.2.2 Sejarah Nabi Muhammad S.A.W.	390
	7.2.2.3 Sejarah Rasul-Rasul Lain	391
7.2.3	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan Agama dengan Kisah Tokoh-Tokoh Wanita Islam dalam Islam	395
	7.2.3.1 Masyita	396
	7.2.3.2 Halimatus Sa'diah	397
	7.2.3.3 Rabiatal `adawiyah	399
	7.2.3.4 Siti Aisyah	399
7.2.4	Perkaitan <i>Stail</i> dan perutusan agama dengan isu semasa bangsa Melayu	401
7.2.5	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan Agama dengan Pengalaman hidup Penyair	402
	7.2.5.1 Merantau di negara asing	403
	7.2.5.2 Merantau di tempat-tempat dalam Malaysia	406
	7.2.5.3 Pengalaman di Tanah Suci Mekah dan Madinah	409
	7.2.5.4 Pengalaman hidup dengan keluarga	410
7.2.6	Perkaitan <i>Stail</i> dengan Sejarah Bangsa Melayu	413
7.3	Kesimpulan	421

BAB LAPAN : PENUTUP **422**

8.1	Pengenalan	422
8.2	Dapatan kajian	422
8.2.1	Perkaitan langsung penggunaan gaya bahasa dengan inti pemikiran penyair	423
8.2.2	Signifikasi penggunaan gaya bahasa dan kesepaduannya dengan perutusan agama Islam	430
8.2.3	Kesedaran estetik penyair berkaitan secara langsung dengan latar keperibadian estetik penyair	435
8.2.4	Wujud perkaitan langsung penggunaan gaya bahasa dan pemikiran penyajak (<i>stail</i>) dengan aspek Kontekstual	437

8.3	Rumusan dapatan kajian	439
8.3.1	Pencapaian objektif kajian	442
8.3.2	Dapatan kajian dengan Soalan kajian	444
8.4	Cadangan	449

BIBLIOGRAFI	452
--------------------	------------

LAMPIRAN 1	Kulit Buku Kumpulan Puisi <i>`Ayn</i> (1987)
LAMPIRAN 2	Kulit Buku Kumpulan Puisi <i>Pelabuhan Putih</i> (1995)
LAMPIRAN 3	Kulit Buku Kumpulan Puisi <i>Titir Zikir</i> (1995)
LAMPIRAN 4	Kulit Buku Kumpulan Puisi <i>MIM</i> (2001)

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1	Kajian lalu berkait aspek keindahan	81
Jadual 2	Jumlah sajak dalam kumpulan puisi Kemala	204
Jadual 3	Pemikiran penyair berasaskan isi sajak	209
Jadual 4	Unsur personifikasi dalam empat kumpulan puisi Kemala	289
Jadual 5	Unsur-unsur gaya simili dalam sajak-sajak Kemala	354
Jadual 6	Ringkasan dapatan kajian kesepaduan <i>stail</i> dengan perutusan agama	424
Jadual 7	Perbandingan Idea teori Estetik Barat dan Melayu dengan hasil kajian	441

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1	Reka bentuk kajian	90
Rajah 2	Kerangka konseptual	96
Rajah 3	Konsep <i>Estetika Bersepadu</i> dan hubungannya dengan keindahan hakiki	122
Rajah 4	<i>Estetika Bersepadu</i> dan hubungannya dengan keindahan hakiki	163
Rajah 5	Keperibadian estetik Kemala	196
Rajah 6	Penyepaduan <i>Stail</i> dengan perutusan dan perkaitannya dengan aspek kontekstual	206
Rajah 7	Perkaitan <i>Stail</i> & Perutusan Dalam Sajak dengan keterangan al-Quran dan Hadis berkaitan Tanggungjawab ibu bapa Terhadap Anak	386
Rajah 8	Perkaitan <i>Stail</i> (gaya bahasa kiasan dengan pemikiran) dan Perutusan Agama tentang Keimanan dengan Kisah Masyita	396
Rajah 9	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan agama tentang budi pekerti dan kasih sayang dengan kisah Halimatus sa'diah.	398
Rajah 10	Perkaitan Pengalaman Diri Kemala dengan <i>Stail</i> dan perutusan dalam sajak	413
Rajah 11	Perkaitan <i>Stail</i> dan Perutusan dengan Sejarah Bangsa Melayu	419
Rajah 12	Perkaitan <i>Stail</i> (Gaya Bahasa dengan Pemikiran) dan Perutusan Agama dengan Aspek Kontekstual	447

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kedatangan Islam ke alam Melayu pada abad ke-13 telah membawa perubahan yang sangat besar dalam tamadun bangsa Melayu. Perubahan ini melibatkan segenap ruang kehidupan baik pada aspek luaran mahupun dalamannya dan perubahan berlaku secara tertib menerusi proses peralihan daripada cara hidup animisme dan Hindu kepada cara hidup Islam. Pada waktu sebelum beragama Islam, kepercayaan kepada animisme sangat mempengaruhi cara hidup mereka, sehinggakan segala yang mereka lihat atau dengar berkesan di dalam hati. Mereka menyangka bahawa di puncak gunung ada penghuni, di lautan ada kesaktian dan di mana-mana sahaja ada penunggu, lalu semua itu mereka puja, memanggil dan nyanyikan, dari situ timbullah mantera (mantra) dukun dalam masyarakat Melayu (Hamka,1976:163).

Dengan kedatangan agama Islam, citra Melayu berubah, baik pada anutan agama, politik, sosio budaya, sastera mahupun cita rasa di jiwa. Cita rasa yang cenderung kepada animisme berubah kepada cita rasa yang berasaskan kepada keindahan Islam. Cita rasa ini membentuk jurus pandangan dunia (*weltanschauung*) orang-orang Melayu yang lebih jelas dan benar berasaskan ajaran Islam. Dalam bidang tulisan pula, orang-orang Melayu mula beralih daripada menggunakan aksara dari India kepada penggunaan tulisan jawi yang diambil dari tulisan Arab (Ismail Hamid,1990:68).

Melalui pengaruh Islam dan huruf jawi yang digunakan itulah berkembangannya bahasa Melayu dan persuratan Melayu. Kerja-kerja menterjemahkan karya-karya daripada Arab dan Parsi telah menjadikan tulisan jawi semakin penting. Menurut Winstedt (1972), bahasa Melayu kemudiannya menjadi *lingua franca* dalam alam Melayu bermula di Aceh sampailah ke Moluccas (Dlm. Ismail Hamid,1990:69). Zuber Osman menyebutkan, penulisan yang awal sekali dilakukan dalam bahasa Melayu adalah berbentuk kitab-kitab agama atau risalah-risalah agama khususnya yang menyentuh tentang pengajaran asas agama seperti syahadah, solat, puasa, zakat dan haji (Ismail Hamid,1990:71). Walau bagaimanapun, setelah pengaruh agama Islam sudah mula kukuh dalam penghayatan orang-orang Melayu, maka berkembanglah pula penulisan-penulisan dalam bidang-bidang yang lain seperti ilmu hadis, kalam, falsafah, feqah, tafsir, tasawuf dan lain-lain lagi.

Pengaruh Islam yang masuk ke dalam bahasa Melayu meninggalkan kesan yang besar dalam sejarah persuratan Melayu, kerana ia tidak hanya menjadikan bahasa Melayu semakin maju dan bertaraf antarabangsa di rantau Nusantara, tetapi yang paling penting, ialah kesepadanan makna banyak perkataan yang secocok dengan aroma keindahan Islam. Bahasa dalam persuratan Melayu menjadi wahana pendidikan agama Islam. Ramai tokoh ulama yang telah menghasilkan pelbagai karya kesusasteraan sama ada dalam bentuk puisi atau prosa menggunakan laras agama yang kaya dengan unsur keindahan Islam itu sendiri.

Kehadiran unsur keindahan Islam dalam kesusasteraan Melayu telah menarik perhatian ramai sarjana untuk mengkajinya. Sifat kesusasteraan itu sendiri sebagai elemen kebudayaan yang dinamik terus subur dan berkembang tidak hanya dalam masyarakat zaman itu tetapi hidup subur dalam zaman-zaman lain pula. Demikianlah apa yang terjadi kepada kesusasteraan Melayu. Kelangsungan hayat kesusasteraan Melayu ini disebut oleh I.A.Braginsky (selanjutnya disebut Braginsky sahaja) sebagai berpunca daripada `dekolonisasi rohani` dan usaha mencari keperibadian Melayu, `kemelayuan` yang khusus di tengah-tengah dunia moden dengan horizonnya yang terbentang luas (Braginsky, I.V.1994:4). Menurut Braginsky lagi, keperibadian itu terdiri daripada dua unsur utama iaitu idea nasionalisme dan idea Islam.

Dua unsur ini tidak sekadar hadir dalam sifat tekstual semata-mata, tetapi bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan manusia dari abad ke abad. Sejarah kesusasteraan Melayu tradisional mencapai era kegemilangannya pada abad ke-17,

dan kegemilangan itu terus dipertahankan dalam abad berikutnya, sehinggalah merebaknya pengaruh *modenisme* dalam alam Melayu pada awal abad ke-20. Memasuki tahun 1900 dan seterusnya, merupakan zaman berkembangnya karya kreatif dalam bentuk novel, cerpen, puisi baharu dan drama, dan ini berlaku secara besar-besaran di Malaysia dan Indonesia (S.Othman Kelantan,2000:23). Tahun 1900 boleh dianggap sebagai garis pemisah di antara kesusasteraan Melayu tradisional dengan kesusasteraan Melayu moden.

Meskipun kesusasteraan Melayu sudah memasuki era baharu, iaitu era yang disebut sebagai moden, malah ada sarjana yang mendakwa kesusasteraan Melayu sudah memasuki era pascamoden¹, namun, persoalan asas yang mendasar inti kesusasteraan Melayu iaitu aspek keindahan tetap menjadi fokus perbincangan dan kritikan.

Kajian yang dilakukan oleh para sarjana sastera baik di luar Malaysia atau dalam negara sendiri menjelaskan kewujudan unsur keindahan dalam kesusasteraan Melayu yang akrab dengan konsep keindahan Islam, khususnya dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional. Inilah yang telah dibuktikan oleh hasil penelitian Hamka, Braginsky, A.Teeuw, Sidi Ghazalba, Abdul Hadi W.M., Muhammad Haji Salleh, Harun Mat Piah, Siti Hawa Salleh, Mohd Affandi Hassan, Ahmad Kamal Abdullah dan lain-lain. Persoalan keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu tidak

¹ Perbincangan tentang kesusasteraan Melayu pascamoden boleh dirujuk dalam buku *Sastera Melayu Pascamoden* (2005), karya Mana Sikana.

pernah mundur dalam kajian dan perbincangan ilmiah, baik dalam negara mahupun di luar negara.

Menurut Braginsky (1994:4), tiada bidang lain dalam kebudayaan tradisional yang dapat `menandingi` kesusasteraan klasik dalam mencerminkan segala aspek kehidupan rakyat Melayu sampai ke akarnya yang tersembunyi. Apa yang lebih penting daripada itu ialah pengaruh Islam yang mengungguli segenap ruang tekstual dan kontekstual teks, sehingga wajah luaran dan dalaman karya menampilkan keelokan dan keindahan yang intim dengan keindahan Islam itu sendiri. Keindahan tidak begitu tertumpu kepada keindahan rupa luaran yang nyata, tetapi lebih pada keelokan akhlak watak-watak yang tersembunyi dalam jiwa, dengan demikian keindahan ini berpunca dari definisi keindahan yang diberikan oleh Imam al-Ghazali (Braginsky, I.A.2000:1-2).

Keindahan meletakkan sesuatu karya kesusasteraan sangat berharga dan tinggi nilainya. Ini bermakna, tinggi atau rendah nilai karya kesusasteraan relatif kepada keindahan yang ada padanya. Pembaca adalah manusia yang amat menggemari keindahan. Naluri ini menurut Mohd Affandi Hassan (1996:30), merupakan sifat semula jadi manusia sesuai dengan bentuk kejadiannya yang sempurna dan terbaik susunannya. Keindahan dalam apa bentuk dan sifat dicintai oleh manusia tidak sekadar untuk memenuhi keinginannya yang menginginkan sesuatu yang indah, tetapi keindahan itu sebenarnya menjadi pendorong yang memandu gerak geri dan ilham manusia untuk bertingkah laku dengan tingkah laku yang baik-baik dan mulia. Malik

Bennabi (2005:58) menyebutkan, sebaik-baik pekerjaan ialah sesuatu yang mempunyai hubungan yang besar dengan keindahan. Katanya lagi, cita rasa indah ini membimbing pemikiran individu kepada penemuan dalam dirinya kecenderungan untuk memperbaiki kualiti pekerjaannya dan berpegang pada adat yang mulia.

Menyusuri jauh ke dalam agama Islam, manusia disedarkan dengan nilai keindahan yang sangat agung, iaitu keindahan Allah S.W.T. Hal ini terkesan dengan jelas daripada alam semesta ciptaan-Nya, nama-nama Allah S.W.T., keterangan-keterangan al-Quran dan hadis Nabi Muhammad S.A.W. Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis yang bermaksud `sesungguhnya Allah S.W.T itu indah, Dia suka kepada keindahan`. Dalam al-Quran, gambaran hakikat keindahan yang sebenar disebut oleh Allah S.W.T. secara simbolik dalam surah *al-Nur*, Ayat 35, bermaksud;

`Allah adalah cahaya yang menerangi langit dan bumi. Bandingan bagi cahaya-Nya ialah seolah-olah adanya sebuah mishkat yang di dalamnya ada sebuah lampu, yang lampu itu berada dalam geluk kaca. Geluk kaca itu pula adalah seolah-olah (jernih terang) seperti suatu bintang yang bercahaya cemerlang. Lampu itu dinyalakan dengan minyak zaitun`.

Dalam sistem estetika kesusasteraan Melayu, istilah keindahan merupakan salah sebuah istilah paling pokok (Braginsky, A.I.1994:18). Ini bermakna, keindahan menjadi asas paling kukuh yang meletakkan nilai `berharga` dan bermutu karya-karya kesusasteraan Melayu itu. Muhammad Haji Salleh (2000:237) menyebutkan, daerah

keindahan sastra Melayu itu tidak sahaja terikat pada estetika yang didasarkan kepada kecantikan bunyi bahasanya, tetapi juga meluas kepada susunan watak dan ceritanya. Muhammad Haji Salleh selanjutnya mengemukakan teorinya, bahawa pantun merupakan genre kesusasteraan Melayu yang paling indah. Menurut Muhammad (2000:133) lagi, pantun mencerminkan kebijaksanaan dan kebijaksanaan menyerlah lagi apabila pantun membawa kiasan dan ibarat dalam dirinya yang terpengaruh dengan sastra Islam.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Muhammad Naqib al-Attas (1971), Braginsky (1979,1993,1994,2000), Muhammad Haji Salleh (1989,2000), Ahmad Kamal Abdullah (1998,2000) menunjukkan bahawa keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu didokong oleh kekuatan bahasa yang mengakar pada nilai Melayu dan Islam. Menurut Muhammad Haij Salleh (2000:237), bahasa dalam sastra Melayu menyerlahkan aspek estetikanya, iaitu aspek keindahannya. Beliau merumuskan, yang indah-indah dan maha indah dalam karya kesusasteraan Melayu itu merujuk langsung kepada suatu sifat cerita atau bahasa atau lukisan watak yang mengesani khalayak, termasuk perasaan sedih, hiba, rawan dan sebagainya. Pandangan Muhammad ini membenarkan dapatan kajian Braginsky yang menemukan pelbagai deskripsi struktur bahasa dalam pelbagai karya kesusasteraan Melayu tradisional yang menjadi inti makna keindahan yang ditemuinya.

. Paling penting untuk direnung dan dibincangkan ialah berhubung dengan dapatan analisis kajian para sarjana itu tadi yang menyebutkan, bahawa sistem

estetika Melayu identik dengan keindahan Islam. Keindahan pantun yang dikaji oleh Muhamamd Haji Salleh berteraskan sastera Islam (2000:133). Braginsky (1979:6) pula merumuskan kajiannya dengan menyatakan *'the recontruction of the beautiful in classical Malay tradition completely corresponds to its general Muslim interpretation'*. Keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu disifatkan oleh Braginsky sebagai berpunca dari potensi keindahan Islam, dan potensi keindahan Islam itu bersumberkan sumber yang hakiki iaitu keindahan Allah S.W.T.. Keindahan Allah S.W.T. ialah keindahan yang hakiki dan tunggal sifatnya. Imam al-Ghazali menyebutkan, bahawa cahaya (keindahan) yang sebenarnya adalah Allah S.W.T., kerana cahaya (keindahan) yang bukan dari Allah S.W.T. bukanlah hakikat atau pun kebenaran (Azlan Khalili Samsuddin,1992:36).

Seperti yang disebutkan sebelum ini, kajian tentang keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional telah banyak dilakukan. Tiga orang tokoh penting telah melaksanakan tugas intelektualnya mengkaji dan menyelongkari persoalan keindahan dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional. Mereka yang dimaksudkan ialah Muhammad Naquib al-Attas, Muhammad Haji Salleh dan Braginsky. Hasil kajian tiga orang sarjana ini boleh menjadi asas teoretikal berkenaan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional.

Meskipun kajian-kajian ini sangat penting dan besar sumbangannya untuk memahami kedudukan dan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisioanal, namun apakah persoalan keindahan yang dianggap sebagai inti terpokok

dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional itu, juga berlaku kepada karya kesusasteraan Melayu moden? Selama hampir 80 tahun kesusasteraan Melayu moden diasak dengan pengaruh kesusasteraan Barat, apakah mungkin, nilai keindahan yang dirumuskan oleh Braginsky dan Muhammad Haji Salleh masih mewarnai teras dan wajah kesusasteraan Melayu moden? Atau, adakah citra estetik Barat telah mengambil tempatnya? Persoalan ini berbangkit kerana timbul penghujahan terhadap konsep kesusasteraan dan persuratan Melayu moden dan juga terhadap konsep keindahan yang telah diteorikan oleh pengkaji terdahulu, khususnya oleh Muhammad Haji Salleh.

Mohd Affandi Hassan merupakan salah seorang sarjana sastera Melayu yang bannyak mempersoalkan tentang konsep keindahan (Mohd Affandi Hassan menggunakan istilah estetika) yang telah diteorikan oleh Muhammad Haji Salleh dalam teori Puitika Sastera Melayu. Menurut Mohd Affandi Hassan (1992:24), ramai sarjana dan penulis Melayu di Malaysia dan Indonesia hari ini mengagung-agungkan konsep estetik Barat yang lebih mementingkan hiasan luaran semata-mata. Mohd Affandi memetik pandangan el-Kalamawy dan Mahmood Ali Makky dalam buku berjudul 'Arabic Literature' yang berpandangan, bahawa pengaruh kesusasteraan Barat dalam sistem pendidikan negara-negara Islam telah menyebabkan orang-orang Islam tidak kenal persuratan Islam yang besar dan kaya pengaruhnya dalam kesusasteraan Eropah. Seorang lagi sarjana sastera Melayu iaitu Mana Sikana mempertikaikan kerangka teoretikal Barat dalam mengkonsepsikan makna dalam kesusasteraan Melayu. Menurut Mana Sikana, hegemoni teori-teori kesusasteraan

Barat dalam kesusasteraan Melayu sangat tidar wajar, kerana kesusasteraan Barat memancarkan konsepsi sastera Melayu yang tidak jatidiri dan kurang seiring dengan konteks sosiobudaya di negara ini (Abdul Halim Ali, 2006:58). Kritikan yang mempersoalkan keupayaan teori-teori Barat dalam mengkongsepsikan makna dalam kesusasteraan Melayu, khususnya yang berkaitan dengan aspek keindahan turut dikemukakan oleh sarjana Melayu yang lain seperti Shafie Abu Bakar dan Hashim Awang. Namun begitu, Melihat kepada pengaruh dan kesusasteraan Barat yang menghegemoni kesusasteraan Melayu moden, maka wajar dipersoalkan, apakah teori dan kaedah kritik keindahan yang berteraskan kerangka pemikiran Barat sesuai untuk mengkonsepsikan makna keindahan dalam kesusasteraan Melayu yang disifatkan oleh pengkaji terdahulu (Braginsky dan Muhamamad Haji Salleh) sebagai bertunjangkan nasionalisme Melayu dan agama Islam?

Penghujahan Mohd Affandi Hassan (2008), Safie Abu Bakar (1997), Hashim Awang (1997) dan Mana Sikana (1996) menunjukkan terdapat asas yang kukuh yang mewajarkan keperluan untuk membina kerangka teoritetikal baharu yang mengambilkira agama Islam dan jatidiri Melayu sebagai sebahagian daripada asas utama untuk mengkonsepsikan makna keindahan dalam kesusasteraan Melayu. Pada masa kini (sehingga tahun 2009), telah muncul sembilan buah gagasan idea yang boleh disifatkan sebagai kerangka teoretikal dalam kritik sastera Melayu. Walau bagaimanapun, kerangka yang ada ini disifatkan oleh Ungku Maimunah (2008) masih terlalu umum dan ada yang masih terikat dengan falsafah Barat.